

26/07/2005

Mahathir-Anugerah

TUN MAHATHIR TERIMA ANUGERAH TOKOH PERDANA BUKU NEGARA

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahatir Mohamad malam ini menerima anugerah tokoh perdana buku negara 2005.

Anugerah itu anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara dengan kerjasama Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan Kementerian Pelajaran disampaikan kepada Dr Mahathir sebagai menghargai idea-idea besar beliau mengenai kemajuan negara dan mengangkat martabat bangsa yang termuat dalam beberapa buah buku.

Visi intelektual beliau yang merangkumi isu Islam, globalisasi, Asia, hak asasi manusia dan sains dan teknologi turut termuat dalam Ensiklopedia Dr Mahathir Mohamad yang dilancarkan dua tahun lepas.

Dr Mahathir menerima piala, sijil, wang emas dan wang tunai RM50,000. Beliau ditemani isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamlullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid turut berangkat ke majlis itu.

Dr Mahathir dalam ucapan penghargaannya berkata dalam perkembangan media cetak dan elektronik, membaca masih merupakan alat yang penting untuk menguasai ilmu.

"Membaca masih diperlukan di zaman ini, kerana membaca memerlukan kecekapan bagi mereka yang ingin menambah kecekapan dan menguasai pelbagai bahasa," katanya.

Selain Dr Mahathir, bekas ketua pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan duta Malaysia ke UNESCO Datuk Dr Hassan Ahmad pula menerima anugerah tokoh pembangunan buku negara sementara pengasas Pustaka Antara Allahyarham Datuk Abdul Aziz Ahmad menerima anugerah anumerta tokoh pengasas industri buku negara.

Sementara itu anugerah kedai buku terbaik 2005 dimenangi oleh MPH Book Store Sdn Bhd. Kesemua anugerah itu disampaikan oleh Tuanku Syed Sirajuddin.

-- BERNAMA

HM PR